

Lembaran Maklumat Produk – Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Jualan)

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima kemudahan Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Jualan). Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan dari Bank Islam jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau syarat-syarat am.

Bank Islam Malaysia Berhad

Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (TWCF-i) - Jualan

<Tarikh>

1. Apakah kemudahan Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Jualan)?

- ✓ TWCF-i (Jualan) adalah kemudahan untuk membiayai penjualan/ pengeksporan barangan perdagangan di dalam negara atau antarabangsa melalui Surat Kredit-i atau Bil Berdokumen untuk Pungutan-i atau atas dasar Akaun Terbuka. Ia membolehkan pembayaran dan pengurusan aliran tunai yang mudah.

2. Apakah kontrak/ konsep Syariah yang digunakan?

- ✓ Kontrak Syariah yang digunakan adalah Bai' Dayn (Penjualan hutang), iaitu penjualan hutang perdagangan/ piutang yang timbul daripada urus niaga yang berkaitan dengan perdagangan. Anda akan menjual hutang perdagangan/ piutang anda kepada Bank secara diskaun.
- ✓ Struktur produk TWCF-i (Belian) adalah seperti berikut:

| No | Penerangan |
|----|---|
| 1 | Pelanggan menjual barangan secara kredit (iaitu hutang). |
| 2 | Pelanggan menjual hutang tersebut kepada Bank pada harga diskaun. |
| 3 | Bank membayar jumlah hutang yang telah didiskaunkan ke akaun Pelanggan. |
| 4 | Pada tarikh matang, Bank menerima penyelesaian hutang yang perlu dibayar daripada Pembeli melalui Pelanggan Bank. |

3. Apa yang saya perolehi daripada produk ini?

| | |
|--|--|
| ✓ Jumlah Amaun Kemudahan | Hingga 100% daripada nilai invoice |
| ✓ Tempoh (untuk jualan jangka masa kredit) | Minimum: 14 hari Maksimum: 180 hari |
| ✓ Kadar pembiayaan Bank | Kadar Pembiayaan Asas (KPA) +/- 'spread' (tertakluk kepada kelulusan bank). KPA Bank Islam ialah 5.47% setahun (setakat 1 Disember 2020) manakala 'spread' ialah 1.5% (tertakluk kepada kelulusan Bank). Untuk maklumat lanjut, sila layari/rujuk www.bankislam.com/deposit-financing-rates/ untuk KPA terkini. Kadar Pembiayaan berdasarkan kiraan atas baki harian akan ditentukan oleh Bank pada hari kemudahan itu |

hendak digunakan berdasarkan tempoh yang diminta oleh pelanggan.

Kadar keuntungan kemudahan yang terdiri daripada KPA dan 'spread' adalah tetap sepanjang tempoh pembiayaan seperti yang diminta oleh pelanggan.

Formula pengiraan Harga Diskaun dan Margin Keuntungan adalah seperti ilustrasi di bawah:

$$DP = FV \left[1 - \left(\frac{r \times t}{36500} \right) \right]$$

DP = Bayaran untuk belian (Harga Diskaun)

FV = Nilai Invois

r = Kadar Pembiayaan

t = Tempoh Pembiayaan

Margin Keuntungan = Nilai Pembiayaan – Harga Diskaun

Ilustrasi:

FV = RM100,000

r = 10%

t = 60 hari

$$DP = 100,000 \left[1 - \left(\frac{10 \times 60}{36500} \right) \right]$$

= = RM98,356.16

Margin Keuntungan = RM100,000.00 - 98,356.16

= RM1,643.84

4. Apakah tanggungjawab saya?

- ✓ Pada tarikh matang, anda perlu menjelaskan nilai hutang kepada Bank setelah menerima pembayaran dari Pembeli anda.

5. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

- ✓ Duti Setem (seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 [Semakan 1989]).
- ✓ Fi dan Komisen.
- ✓ Caj SWIFT/ Rentas
- ✓ Bayaran Pos and Perkhidmatan Kiriman Cepat (jika berkenaan)

Nota : Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lebih lanjut mengenai fi dan caj.

6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- ✓ Jika anda gagal untuk memenuhi tanggungjawab anda tepat pada masanya, tindakan yang berikut akan dikenakan :-
 - **Sekiranya berlaku kemungkiran, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan:**
 - a. Bank boleh melalui notis bertulis kepada anda, meminta anda membuat pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada pelanggan dan/ atau penjamin;

- b. Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun deposit anda atau akaun lain yang diuruskan oleh Bank untuk menyelesaikan pembayaran tertunggak di bawah kemudahan yang diberikan oleh Bank;
- c. Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda gagal bertindak terhadap notis peringatan dan/atau notis tuntutan. Bank akan menggunakan haknya atas sebarang cagarang yang telah diberikan kepada pihak Bank dan anda akan menanggung segala kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan jumlah pembiayaan. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada penilaian kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda di masa hadapan; dan
- d. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank.

▪ **Pembayaran Lewat**

Bank akan mengenakan Ta'widh (gantirugi) ke atas anda seperti berikut (sekiranya berkenaan):-

- a. Sebelum tarikh matang kemudahan
Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dikira ke atas tunggakan ansuran sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- b. Selepas tarikh matang kemudahan
Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam dikira ke atas baki pembiayaan iaitu baki Harga Jualan Bank setelah ditolak Ibra' (jika ada);
- c. Hutang selepas penghakiman
Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas jumlah asas penghakiman dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

Nota : Pengehnaan Ta'widh adalah dengan cara yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

7. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya baki pembiayaan sebelum tarikh matang?

- ✓ Insentif akan diberikan kepada anda dalam bentuk pengurangan bayaran jika berlaku penyelesaian awal atau penebusan awal pembiayaan.

8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- ✓ Ia adalah pilihan, namun begitu anda atau pembekal anda dinasihatkan untuk melanggan perlindungan Takaful yang sesuai.

9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- ✓ Sekiranya anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, Bank Islam mungkin memerlukan penjamin atau cagaran bagi membolehkan anda untuk menghantar permohonan.

10. Apakah risiko utama?

- ✓ Tiada risiko utama kerana kemudahan ini berbentuk jangka pendek dan berkadar tetap sepanjang tempoh

pembiayaan.

11. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

- ✓ Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami dengan segera jika terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat perhubungan anda bagi memastikan anda menerima semua surat tepat pada masanya.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?

- ✓ Jika anda menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan kemudahan, anda perlu menghubungi pihak Bank seawal mungkin untuk berbincang berkenaan dengan pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:-

Operasi Perdagangan

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 13, Menara Bank Islam

No. 22, Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Tel.: 03-2782 1078/ 1089/ 1087/ 1086

Faks: 03-2782 1346

Atau

Perbankan Korporat

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 27, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: (to be filled by our RM's)

Tel.: (to be filled by our RM's)

Faks: 03-2726 7818

E-mel: (to be filled by our RM's)

Atau

Perbankan Komersial

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 23, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: (to be filled by our RM's)

Tel.: (to be filled by our RM's)

Faks: 03-2726 7818

E-mel: (to be filled by our RM's)

Atau

Perbankan PKS

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 16, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: (to be filled by our RM's)

Tel.: (to be filled by our RM's)

Faks: 03-2726 7818

E-mel: sme-assist@bankislam.com.my

- ✓ Untuk membuat aduan berkenaan dengan produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 17, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Tel.: 03-26 900 900

Faks: 03-2782 1337

E-mel: contactcenter@bankislam.com.my

- ✓ Untuk PKS, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan secara percuma perkhidmatan dan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan hutang. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 dan 6,

Menara Bumiputra Commerce

Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Tel.: 603 -2616 7766

Faks: 603 -2616 7601

Laman web: akpk.org.my

- ✓ Jika anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami terhadap soalan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,

Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel.: 1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- ✓ Sebarang maklumat lanjut mengenai produk TWCF-i (Jualan), sila rujuk cawangan-cawangan kami atau hubungi:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 17, Menara Bank Islam,

No. 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur.

Tel.: 03-26 900 900

E-mel: contactcenter@bankislam.com.my

www.bankislam.com

14. Apakah pakej kemudahan perdagangan lain yang disediakan?

1. Tawarruq Perdagangan-i
2. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Belian)
3. Surat Kredit-i
4. Surat Pemindahan Kredit-i
5. Jaminan Perkapalan-i
6. Jaminan Bank-i
7. Bil Terima-i (Jualan)
8. Bil Terima-i (Belian)
9. Bil Pertukaran Belian-i
10. Bil Berdokumen untuk Pungutan-i
11. Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i
12. Surat Kredit Persediaan-i

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN ANDA.

Nota:

1. Maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Keuntungan dan/ atau caj mungkin berbeza dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Bank Islam.
2. Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah dari 29/12/2021.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: